



KHAMIS, 8 FEBRUARI 2018

ISSUE 7

A photograph of two athletes in motion against a yellow background with green circular patterns. On the left, a male runner in a purple Mizuno singlet with number 2608 is looking back. On the right, a female runner in a green singlet with number 2036 is also looking back. The text "Agil" is in blue above the male runner, and "Zaidatul" is in red above the female runner.

Agil Zaidatul

**Raja & Ratu
Pecut SUKIPT 2018**

UITM, IIUM BERENTAP
DI FINAL BOLA SEPAK

4 EMAS KARATE MILIK
POLITEKNIK MALAYSIA

IIUM, UiTM Berentap Di Final Bola Sepak.

Oleh Nur Ain Nadhirah Ghazali
Ahmad Nabil Rosedi

UPM, SERDANG - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, (IIUM) dan Universiti Teknologi MARA, UiTM bakal menentukan siapa lebih hebat dalam acara bola sepak SUKIPT selepas keduanya layak ke perlawanan akhir Jumaat ini.

Dalam aksi separuh akhir di UPM, Serdang, IIUM menang 4-2 ke atas Universiti Malaya sementara UiTM yang beraksi dengan 10 pemain layak menerusi penentuan sepakan penalti, 7-6 setelah perlawanan terikat 3-3 hingga tamat perlawanan.



Foto oleh Ahmad Ajwad

Catatan Jonathan itu turut memperbaharui rekod kejohanan. Penembak Universiti Teknologi MARA (UiTM), Ifwat Abqari meraih gangsa selepas membidik 213.8 mata.

Kekecewaan Rishipal segera diubati selepas membantu pasukan Universiti Sunway memenangi emas acara 10 meter *air pistol* berpasukan lelaki.

Trio yang turut ditarik Tan Tong Tat dan Raja Danish Aiman Raja Salehudin membidik 1671 mata meninggalkan trio UiTM yang mengumpul 1628 mata untuk pingat perak sementara trio UPNM ketiga. Pasukan pilihan, UPM yang turut ditarik Johnathan Wong Guanjie hanya mampu menduduki tangga keempat dengan mengumpul 1465 mata.



Foto oleh Hariz Danieal

Final acara bola sepak akan berlangsung pada 9 Februari (Jumaat) pada jam 8.45 malam sementara perlawanan penentuan tempat ke 3/4 pada jam 4.00 petang.

Penembak Kebangsaan Eddy Chew Kecundang

Oleh Hanim Nayan
Ahmad Ajwad

UPNM, SUNGAI BESI – Pemegang rekod kebangsaan sukan menembak, Eddy Chew dari Universiti Putra Malaysia (UPM) gagal menepati sasaran dalam acara menembak selepas sekadar menduduki tangga ke-4 dalam acara 10 meter *air pistol* pada hari pertama di lapang sasar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Pingat emas acara ini dimenangi oleh seorang lagi penembak kebangsaan Jonathan Wong Guanjie yang turut mewakili UPM apabila mengumpul 236.5 mata, hanya 0.04 mata mengatasi pencabar terdekat Rishipal Singh Dhanoa untuk perak.

Thailand “Curi” 3 Emas Olahraga.

Oleh Abdul Hadi Che Awang

UKM, BANGI - Universiti Thammasat menyumbang dua pingat emas untuk kontinjen Thailand menerusi acara 110 meter lari berpagar lelaki dan 100 meter berpagar wanita.

Pelari sukan SEA Thailand, Apisit Puanglamyai meraih yang mewakili Universiti Thammasat merangkul emas pertama menerusi acara 110 meter lari berpagar lelaki dengan catatan masa 14.69 saat.

Kehebatan universiti Thailand berterusan apabila Arisara Dararut juga pelari Universiti Thammasat memperolehi emas kedua menerusi acara 100 meter lari berpagar wanita selepas mencatatkan masa 15.27 saat.

Emas ketiga kontinjen Thailand diperolehi melalui acara 400 meter wanita menerusi Ratachada Talee mewakili Universiti Surrathani Rajabhat dengan masa 56.51 saat.



Foto oleh Muhd Syafiq



Foto oleh Muhd Syafiq

Pecutan Emas Zaidatul Dan Mohd Aqil

Oleh Abdul Hadi Che Awang

UKM, BANGI - Pelari pecut kebangsaan Zaidatul Husniah Zulkifli dari Universiti Putra Malaysia(UPM) dan Mohd Aqil Yasmin dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dinobatkan selaku Ratu dan Raja pecut SUKIPT 2018 selepas menjuarai acara pecut 100 meter semalam.

Zaidatul mempertahankan pingat emas yang dimenangnya pada SUKIPT 2016 selepas mencatatkan masa 12.04 saat. Walaubagaimanapun Zaidatul gagal mengatasi catatan masa 11.67 yang dilakukannya pada edisi sebelum ini.

Sementara itu, Mohd Aqil Yasmin mengetepikan pelari pecut kebangsaan, Jonathan Nyepa dari UPM apabila merangkul pingat emas dengan masa 10.78 saat. Walaubagaimanapun, catatan masa Aqil gagal mengatasi catatan masa 10.53 saat yang dilakukan Harith Ammar Sobri dari UM pada 2016.

Lensa SUKIPT

UKM. BANGI • 2018



Foto Oleh **Muhd Syafiq**
Aliya Nor Azman
Nurul Nadzirah





Foto Oleh Haris Danieal
Farah Adibah

JUARA BERTAHAN TERSUNGKUR!



Foto oleh
Nurul Nadzirah Najihah
Ahmad Syukri Azman

Oleh Ahmad Syukri Azman

UKM, BANGI - Politeknik Malaysia mengejutkan juara bertahan acara hoki lelaki, Universiti Putra Malaysia (UPM), 2-0 dalam aksi akhir semalam.

Muhammad Adhwa Mohd Jalil muncul wira Politeknik Malaysia selepas menyumbang kedua-dua gol pada minit ke 14 dan 20 sekaligus menghadiahkan pingat emas buat Politeknik Malaysia.

Atlet Sukan SEA Sumbang Emas Untuk Nilai University



Foto oleh Haris Danieal

Oleh Khairunnisa Ismail

NILAI - Status selaku atlet lawan pedang pada Sukan SEA 2017 nyata memberi kelebihan kepada Sopanut Mayakarn yang menyumbang pingat emas buat Nilai University (Nilai U) selepas memenangi acara foil lelaki.

Pada aksi akhir, Sopanut menewaskan Muhammad Aqil Anuar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), manakala atlet Universiti Sunway, Lim Jin Quan meraih pingat gangsa.

Fatin Syafiqah pula menyumbang pingat emas buat UPM dengan memenangi acara epee wanita setelah menewaskan rakan sepasukan, Nur Aina Jalil pada aksi akhir.

Sementara itu, skuad wanita UPM segera memadam kekecewaan skuad lelaki selepas mereka muncul juara dengan menewaskan Universiti Teknologi MARA (UiTM), 2-0 pada aksi final dengan jaringan disumbangkan oleh Nurul Shafizan Amran pada minit ke-7 dan Fatin Naimah Zaki pada minit kelima belas.

4 For Politeknik Malaysia



Foto oleh Farah Adibah & Nurul Nadzirah Najihah

By Adi Samsuri

UKM BANGI - Politeknik Malaysia bagged four out of eight gold medals offered on today SUKIPT 2018 karate events. Emmanuel Leong Theng Kuang which also national athlete for SEA Games 2017 claim gold medals in men individual Kata event, defeat Universiti Sains Malaysia (USM), Ivan Oh Theng Wei. Bronze was earned by International Islamic University Malaysia (IIUM), Mohd Syafiq Danial and UCSI University, Lee Jing Shen.

Men Kumite under 60kg saw Politeknik Malaysia's karate athlete, Gogulnath Al-Marathu win gold medal after against Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Ganesan Raman with score of 8-1. UTM, Vasanthakumar Al-Nathan and USM, Kuan UGene claim bronze.

Celine Lee Xin Yi, who a SEA Games 2017 national athlete claim gold in women individual Kata event against UTM, Tan Hui Yi who satisfied with silver. UTHM, Tan Hui Ling and USM, Khaw Yee Voon win bronze.



Emas Sofbol Milik UiTM

Oleh Nur Zulaiha Mohd Zulkifli

UKM, BANGI - Universiti Teknologi MARA (UiTM) membuktikan kehebatan mereka dalam acara softball dengan membolot emas bagi kedua-dua pasukan lelaki dan wanita.

Pasukan wanita mengekalkan status selaku juara bertahan SUKIPT dengan menang 7-0 ke atas Politeknik Malaysia.

Manakala pasukan lelaki menamatkan kemarau emas dengan mengejutkan tuan rumah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 12-0 pada aksi final yang berlangsung gelanggang softball UKM.

SUN-U Dominasi Pentas Pingpong



Oleh Muhammad Ilyas

UKM, BANGI - University Sunway (SUN-U) muncul juara keseluruhan selepas mendominasi pingat emas bagi kategori perseorangan perempuan serta kategori beregu wanita.

Catherine Chan Zhen Yen, beraksi dengan cemerlang untuk menang 9-11,11-6,11-8,11-3 ke atas Lim Yi Wen dari Universiti Help manakala gandingan Chan Zhen dengan Angel Chan Low Yung menang 11-8, 7-11, 11-5, 7-11, 11-8, keatas pasangan beregu dari Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Tuan rumah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak pulang dengan tangan kosong selepas masing-masing turut memenangi pingat emas acara pingpong SUKIPT 2018.



UPM Kuasai Memanah SUKIPT

Oleh Abdul Hadi Che Awang.

UKM, BANGI - Universiti Putra Malaysia (UPM) membolot kesemua pingat emas yang dipertandingkan pada hari terakhir memanah SUKIPT 2018 sekaligus membolehkan mereka membawa pulang enam pingat keseluruhan pada edisi kali ini, mengatasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang mengutip lima pingat.

Pada hari terakhir, kesemua pingat emas yang dimenangi UPM hadir menerusi acara recurve berpasukan wanita, recurve berpasukan lelaki serta compound berpasukan lelaki dan wanita.

Pemanah lelaki UPM, Mohd Alif Adha paling mencuri tumpuan dengan membawa pulang tiga pingat secara peribadi bagi lelaki manakala Nur Aina Yasmine yang mewakili UniSZA turut membawa pulang tiga pingat emas keseluruhan bagi wanita.

SIDANG REDAKSI

JAWATANKUASA MEDIA, BULETIN, DAN PUBLITI

PENASIHAT I
EN. TONY AZMAN HASSAN

PENASIHAT II
EN. PEKAN RAMLI

PENYELARAS
PN. ZUZILAWATI ZUBIR

KETUA EDITOR
EN. AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

KETUA WARTAWAN
ABD. HADI CHE AWANG

PEREKA GRAFIK
MUHD AZFAR
SHAHMIN AHMAD
YUSRI AIIDIL
NORSYAFIKA

EDITOR
PN. NURUL AISAH ABD RAMAN
EN. DZULKARNAIN MAZLAN
EN. HAFIZ BAHAROM

EDITOR FOTO
HARIS DANIEL

PENYELARAS PETUGAS MEDIA
KHAIRUL HANIM

JADUAL ACARA SUKAN

8 FEBRUARI

	9.00 am KARATE DTAMS, UKM	8.00 am PETANQUE GLG PETANQUE, KOLEJ KERIS MAS, UKM	9.00 am BADMINTON UPTOWN ARENA, BANGI	8.30 am BOLA TAMPAR DEWAN GEMILANG, UKM
8.30 am KRIKET OVAL KRIKET, UKM & KINRARA OVAL	2.00 pm BOLA TAMPAR PANTAI GLG BOLA TAMPAR PANTAI, UKM	7.30 am BERBASIKAL TREK BERBASIKAL MTB, UKM	9.00 am BOLA JARING DEWAN GLG BOLA JARING GMI, BANGI	8.30 am LAWN BOWLS KOMPLEKS SUKAN LAWN BOWLS SEREMBAN 2, N.SEMBILAN
8.00 am OLAHRAGA STADIUM UKM, BANGI	8.30 am CATUR DEWAN KONVENSYEN KOLEJ KERIS MAS, UKM	3.00 pm RAGBI 7'S PADANG RAGBI, UPM	10.00 am LAWAN PEDANG PRESIDENT HALL, NILAI UNIVERSITY	8.30 am TENIS GLG TENIS, UKM
				9.00 am MENEMBAK LAPANG SASAR 10M, UPNM

BIL.	PASUKAN	PUNGGUTAN PINGAT			JUMLAH
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	24	24	19	67
2	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	24	22	21	67
3	SUNWAY UNIVERSITY	16	14	14	44
4	TAYLOR'S UNIVERSITY	12	9	9	30
5	UNIVERSITI MALAYA	11	10	8	29
6	POLITEKNIK MALAYSIA	10	8	20	38
7	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	8	2	8	18
8	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	7	3	6	16
9	HELP UNIVERSITY	6	1	4	11
10	KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA	3	4	8	15

*PUNGGUTAN PINGAT SEHINGGA PUKUL 6 PETANG SEMALAM